

15/10/2003

Waspada syarikat tawar projek ICT secara francais

Hizral Tazzif Hisham

ORANG ramai diingatkan berhati-hati dengan dakwaan sebuah syarikat yang mengatakan ia mewakili kerajaan Malaysia untuk melaksanakan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pada peringkat kebangsaan menerusi konsep francais.

Mengikut maklumat yang disiarkan dalam sebuah jurnal elektronik (blog), syarikat itu mendakwa mendapat kebenaran daripada kerajaan Malaysia untuk melaksanakan projek sistem rangkaian matriks yang menjadi tulang belakang pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Selain itu, syarikat itu mendakwa projek sistem rangkaian matrik itu mendapat restu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan satu perjanjian sudah ditandatangani antara syarikat berkenaan dan kerajaan Malaysia.

Jurucakap Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC) berkata, syarikat yang mendapat status syarikat MSC itu sudah dilucutkan tarafnya selepas MDC menjalankan penyiasatan rapi dan mendapati ia menggunakan nama MSC dan MDC untuk tujuan yang tidak dibenarkan.

"Laporan polis sudah dibuat terhadap syarikat itu kerana membuat pengumuman dan dakwaan yang boleh mengelirukan orang ramai," katanya ketika dihubungi Berita Komputer di Kuala Lumpur, kelmarin.

Difahamkan syarikat itu akan bertindak sebagai francaisor kepada mana-mana individu atau orang ramai yang berminat untuk menyertai projek berkenaan. Mereka akan dilantik sebagai franchisee bagi satu-satu negeri atau daerah bergantung kepada wang yang dilaburkan.

Bagi mereka yang berminat untuk menjadi franchisee bagi keseluruhan negeri, yuran yang dikenakan berjumlah melebihi RM500,000 dan jika membabitkan daerah jumlahnya lebih kecil.

Syarikat berkenaan mendakwa mencipta sistem rangkaian matriks yang bertindak untuk menyelia dan membangunkan sumber manusia di negara ini, termasuk membawa masuk pekerja asing untuk bekerja di negara ini.

Ia juga mendakwa sudah membentangkan konsep sistem berkenaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Julai 1995 dan seterusnya membawa kepada penubuhan aplikasi perdana kerajaan elektronik.

MDC berkata, iklan sudah dikeluarkan oleh agensi itu di dalam akhbar perdana untuk menafikan segala dakwaan syarikat berkenaan membabitkan pelaksanaan MSC dan program pembangunan ICT kebangsaan.

"Laporan polis juga sudah dibuat terhadap dakwaan syarikat berkenaan seperti yang tertera di dalam laman web itu," katanya.